

KKTKW (U) 18/4/2.01 Jld. 3 (36)



Ibu Pejabat
Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

14 November, 1989.

PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL. 7 TAHUN 1989
Ukuran Hakmilik Sementara Sambungan Daripada Hakmilik Tetap
Dan Ukuran Berperingkat

1. **Tujuan**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menetapkan keperluan serta mengadakan satu prosedur Jabatan dalam menjalankan ukuran bagi Hakmilik Sementara sambungan daripada Hakmilik Tetap dan ukuran secara berperingkat.

2. **Latarbelakang**

- 2.1 Seksyen 135, 140 dan 146 Kanun Tanah Negara yang telah dipinda pada tahun 1984 menurut Akta A587, membolehkan tanah yang dipegang di bawah Hakmilik Sementara sambungan daripada Hakmilik Tetap dipecah sempadan, dipecah bahagian dan dicantumkan.
- 2.2 Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 8/1977 bertarikh 6.8.1977 membenarkan kerja ukuran pecah sempadan di bawah Seksyen 135 Kanun Tanah Negara di jalankan secara berperingkat. Tetapi pekeling tersebut tidak merangkumi kerja-kerja ukur bagi tanah yang dipegang di bawah Hakmilik Sementara sambungan daripada Hakmilik Tetap sepertimana yang diperuntukan di bawah seksyen 135,140 dan 146 pindaan Kanun Tanah Negera 1984.
- 2.3 Jika keseluruhan ukuran berkaitan dengan para tersebut di atas disempurnakan oleh seorang Juruukur Tanah Berlesen tiada masalah akan timbul. Masalah seperti pertindihan sempadan tanah dan rizab jalan yang tidak lurus akan timbul sekiranya tindakan lanjutan di bawah seksyen 135, 140 dan 146 Kanun Tanah Negara dijalankan ke atas lot yang berselerak kedudukannya dan ukuran tersebut dijalankan oleh Juruukur Tanah Berlesen yang berlainan.

- 2.4 Pada masa ini belum ada prosedur untuk memproses dan mengeluarkan nombor lot kepada ukuran yang dikehendaki dibawah perenggan 2.1. Pengarah Ukur enggan mengeluarkan nombor lot kepada permohonan bagi maksud di atas kerana ianya mungkin mengakibatkan satu petak tanah mempunyai lebih daripada satu nombor lot disebabkan tindakan pecahan tanah peringkat pertama belum selesai diukur lagi.

3. **Keperluan Pelan Pra-Hitungan Dan Lain-Lain**

- 3.1 Pecahan Hakmilik Sementara (Lihat **LAMPIRAN 'A1** dan **A2**)
- 3.1.1 Apabila sekeping tanah (Lot 100) yang dipegang di bawah Hakmilik Tetap dipecah sempadan atau dipecah bahagian biasanya Hakmilik Sementara dikeluarkan kepada lot-lot hasil pecahan tersebut itu selepas nombor-nombor lot (lot 101-115) dikeluarkan (tanpa pelan pra-hitungan sebelum keluarnya pekeliling KPUP 4/1988). Dalam kes dimana Juruukur Tanah Berlesen yang akan menjalankan pecah sempadan atau pecah bahagian ke atas salah satu Hakmilik Sementara lagi (lot 101) yang diwujudkan daripada permohonan peringkat pertama kepada beberapa lot (Lot 141-152) lagi, pelan-pelan pra-hitungan hendaklah dikemukakan untuk pecahan peringkat pertama (Lot 101-115) seperti di **Lampiran A1** dan juga pecahan peringkat kedua (Lot 141-152) seperti di **Lampiran A2**.
- 3.1.2 Sekiranya terdapat bangunan yang didirikan di atas lot-lot pecahan peringkat pertama itu yang tidak mengikut pelan tatatur, maka Juruukur Tanah Berlesen berkenaan hendaklah mengambil ofset kepada bangunan yang ada supaya pelan pra-hitungan itu dapat dilengkapi dengan butiran bangunan yang ada di kawasan lot tersebut.
- 3.2 Cantuman Hakmilik Sementara (Lihat **Lampiran 'B'**)
- 3.2.1 Jika cantuman hakmilik sementara melibatkan beberapa lot sahaja, hasil daripada pecahan peringkat pertama itu maka, Juruukur Tanah Berlesen berkenaan hendaklah mengemukakan pelan pra-hitungan di para 3.1 seperti di **Lampiran A1** dan **Lampiran B** apabila beliau memohon nombor lot baru.
- 3.2.2 Pelan Pra-hitungan tidak diperlukan sekiranya semua hakmilik sementara dicantumkan.
- 3.3 Pemberimilikan tanah selepas diserahkan balik

Di mana beberapa hakmilik sementara sahaja, hasil daripada pecahan peringkat pertama diserahkan balik untuk diberi milik kemudian dalam bentuk

lain, Juruukur Tanah Berlesen perlu menunjukkan pelan-pelan pra-hitungan seperti di [Lampiran A1](#) dan [A2](#).

4. **Penyediaan Pelan Akui**

- 4.1 Pelan fahrasat yang menunjukkan peringkat pengukuran perlu disediakan sebagai Pelan Akui pertama diikuti dengan Pelan Akui lot-lot bagi pengukuran peringkat yang pertama (lihat contoh di [Lampiran C1](#) dan [C2](#)).
- 4.2 Sekiranya tiada perubahan keatas sempadan peringkat pengukuran seterusnya, pelan fahrasat tidak perlu disediakan lagi bagi peringkat pengukuran seterusnya. Pelan Akui lot-lot untuk pengukuran peringkat berkenaan boleh terus disediakan.
- 4.3 Sekiranya terdapat perubahan ke atas sempadan peringkat pengukuran bagi peringkat selanjutnya, pelan fahrasat yang baru perlu disediakan sebagai Pelan Akui pertama bagi pengukuran peringkat berkenaan. Walau bagaimanapun susunan lot-lot pecahan perlu menepati pelan tatatur yang telah diluluskan.
- 4.4 Garisan yang menunjukkan peringkat pengukuran hendaklah dilukis dengan garisan hitam berputus-putus.
- 4.5 [Para \(iv\) Pekeliling KPUP 8/1977](#) adalah dimansuhkan. Walau bagaimanapun Pelan-Pelan Akui yang telah disediakan sebelum berkuatkuasanya Pekeliling ini masih boleh diterima.

5. **Perlaksanaan**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh pengeluarannya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP.)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Agihan:

Semua Pengarah Ukur
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Pemetaan

Pengarah Ukur Kadastra

Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan

Timbalan Pengarah Ukur Kadastra

Timbalan Pengarah Ukur Kadastra (Unit Khas)

Penolong Pengarah Ukur Kadastra (P&L)

Penolong Pengarah Ukur Kanan (Unit Ukur Tanah)

Cawangan Rekabentuk dan Penyelidikan, Ibu Pejabat JKR


Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia

PELAN PRA - HITUNGAN BAGI
PECAHAN LOT HAKMILIK SEMENTARA

LAMPRAN A1

LOT 000101-000115
BAKI LOT 100

Nota
Lot-lot yang terbit daripada
pecahan dan penyerahan
untuk Simpanan Jalan




PELAN PRA - HITUNGAN BAGI
PECAHAN LOT HAKMILIK SEMENTARA

LAMPIRAN A 2

LOT 000141 - 000152
BAKI LOT 101



Note
Lot-lot yang terbit daripada
pecahan dan penyerahan
untuk Simpanan Jalan



PELAN PRA - HITUNGAN BAGI
CANTUMAN HAKMILIK SEMENTARA

LAMPIRAN 'B'

LOT 000161
CANTUMAN LOT 102-107



PELAN FAHRASAT

PERINGKAT UKUR

LOT 401 (PA 3114)

04 NEGERI MELAKA

03 DAERAH ALOR GAJAH

1.0 MUKIM KUALA SUNGAI BARU

00


Skala 1 : 1000

NOTA:-

Pengukuran Lot 401 (PA 3114)

Dibuat Secara Berperingkat

iaitu 6 Peringkat



PA 04 - 023643


LOT 2286 & 2287
 SEBAHAGIAN LOT 401 (PA 3114)
 04 NEGERI MELAKA
 03 DAERAH ALOR GAJAH
 10 MUKIM KUALA SUNGAI BARU
 00

Skala 1 : 750

PERINGKAT I

NOTA:-

Lot-lot ini ialah sebahagian
 lot 401 (PA3114) yang telah
 diukur secara berperingkat
 dalam Pelan fahasat (PA 04 - 023643)



PA 04-023644